

# UMS merubah mimpi anak Pala'u jadi realiti

BH 22-11-2014 11

» Buka peluang anak Sabah dapat pendidikan tinggi

Kehidupan masyarakat Pala'u sehati dengan **dunia laut**.

[FOTO CHE HASRUDDIN CHE HASSAN]



Oleh Faezah Mohamad Dun  
bhnews@bh.com.my

► Kota Kinabalu

**M**eskipun banyak menghabiskan zaman kanak-kanak dengan aktiviti menangkap hasil laut, ia sedikit pun tidak mematahkan semangat Razil Jesferman untuk terus berusaha dan memperbaiki kehidu-

pan keluarganya.

Anak jati Semporna berketurunan Bajau Laut itu berjaya menamatkan pengajian dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Sains Akua-kultur dari Universiti Malaysia Sabah (UMS).

“Saya bersyukur dengan adanya UMS sebagai sebuah universiti tempatan, pendidikan tinggi tidak lagi asing untuk anak jati Sabah. Kewujudan UMS membu-

ka peluang kepada anak Sabah mendapat pendidikan tinggi tanpa perlu merentasi Laut China Selatan,” katanya.

Razil yang kini bertugas sebagai Pembantu Penyelidik di Darden Aquascience Sdn Bhd, sebuah syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), bertanggungjawab dalam urusan penyediaan makanan spesies udang galah.

“Sebagai anak Pala'u (Bajau Laut), saya terpaksa berusaha le-

bih keras memastikan kejayaan diri mampu mengubah nasib keluarga. Tidak semua anak Pala'u bernasib baik berpeluang berada di universiti berikutan masalah status pengenalan diri yang masih belum dipermudahkan hingga ke hari ini,” katanya.

**Kejayaan suntik inspirasi kepada keluarga**

Sejak dari kecil, beliau yang juga anak sulung daripada tujuh orang beradik itu nekad untuk belajar bersungguh-sungguh agar kejayaan beliau dapat menjadi suntikan inspirasi kepada adiknya dan ahli keluarga.

“Walaupun ada yang memandang rendah dengan latar belakang keluarga saya, kejayaan hari ini sedikit sebanyak membuka mata mereka,” katanya yang menjadikan aktiviti menangkap ikan sebagai hobi ketika zaman kanak-kanak.

Menyingskap kenangan selama mengikuti pengajian di UMS, beliau menyifatkan gedung ilmu itu berjaya melahirkan graduan yang berdaya saing dan mampu berdikari.

“Selama di UMS, saya belajar membina keyakinan dan sahsiah diri melalui pembabitan dalam aktiviti kemahasiswaan dianjurkan persatuan dan kelab di universiti. Ternyata semua itu membantu saya melaksanakan tugas dengan lebih baik dan cekap,” katanya yang turut berpeluang menjalankan beberapa kajian laut ketika menuntut di UMS.

Beliau berharap lebih ramai masyarakat Pala'u diberi peluang mendapat pendidikan formal dan meneruskan pengajian pada peringkat universiti demi memperbaiki taraf hidup golongan berkenaan.

Ditanya mengenai perancangan masa depan, Razil berkata, beliau berhasrat memiliki perusahaannya dalam pelbagai bidang yang boleh diusahakan oleh ahli keluarga.

Masyarakat Bajau Laut adalah etnik yang tinggal secara nomad di perairan sekitar Pantai Timur Sabah dan sangat bergantung kepada hasil laut untuk meneruskan kehidupan harian mereka.

Meskipun ada antara mereka mula membuka penempatan di darat, sebahagiannya masih berpegang kepada tradisi dengan menjadikan lautan sebagai tempat tinggal.



*Kewujudan UMS membuka peluang kepada anak Sabah mendapat pendidikan tinggi tanpa perlu merentasi Laut China Selatan”*

**Razil Jesferman,**  
Pembantu Penyelidik Darden  
Aquascience Sdn Bhd